

PM terima kunjungan KSN baharu

BH - 3/11/2020 m/s: 8

Putrajaya: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam menerima kunjungan hormat Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baharu, Datuk Seri Mohd Zuki Ali dan bekas penyandang jawatan, Tan Sri Dr Ismail Bakar.

Pada pertemuan di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini, Perdana Menteri turut menyampaikan watakah pelantikan kepada Mohd Zuki dan menyaksikan penyerahan nota serah tugas daripada Ismail kepada KSN baharu.

Mohd Zuki, 58, yang ditemui media selepas pertemuan selama setengah jam itu, berkata Perdana Menteri meletakkan harapan tinggi supaya penjawat awam terus dihormati.

"Pada masa yang sama, penjawat awam juga perlu berusaha untuk menghormati kerana untuk dihormati, kita juga perlu menghormati, sama ada peraturan, prosedur atau pemegang taruh (di jabatan atau agensi masing-masing).

"Harapan saya kepada penjawat awam, mudah-mudahan selepas ini, mereka sentiasa bersedia untuk berhadapan segala kemungkinan luar jangka dan yang paling mustahak hendaklah ikut ikrar perkhidmatan awam dan Rukun Negara," kata bekas Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan ini.

Mohd Zuki yang menzahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri dan kerajaan kerana



Dr Mahathir menyerahkan watakah pelantikan kepada Mohd Zuki, yang turut disertai Ismail di Yayasan Kepimpinan Perdana di Putrajaya, semalam. (foto BERNAMA)

memberi kepercayaan kepadanya menggalas amanah itu, berjanji melaksanakan tanggungjawab dengan sebaik mungkin dan ikhlas.

"Ini untuk memastikan penjawat awam terus berjaya melaksanakan amanah seperti yang telah dijanjikan ketika mengangkat sumpah jawatan masing-masing," katanya.

Mohd Zuki dilantik sebagai KSN berkuat kuasa kelmarin menggantikan Ismail yang bercuti sebelum persaraan wajib. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan Nanyang University, Singapura, mempunyai pengalaman luas dalam perkhidmatan awam dan sudah berkhidmat selama 28 tahun.

Selain Kementerian Pertahanan, beliau pernah berkhidmat di Kementerian Kewangan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, Istana Negara, Jabatan Perdana Menteri dan Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak.

BERNAMA